



# KOPERASI GURU MELAYU PAHANG SELATAN BERHAD

No. 2, Tingkat 1, Jalan Pak Sako 4,  
28000 Temerloh, Pahang Darul Makmur.  
Email: sagumpas1@gmail.com

Telefon : 09-296 1429  
Telefon h/p: 011-1051 4291

Rujuk: SAGUMPAS: 002/J19/(109)

Surat Tuan:

Tarikh: 29/04/2026

Kepada,  
Semua Anggota Sagumpas.

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-73

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan itu, saya bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi ini dengan sukacitanya mempersilakan tuan/puan ke mesyuarat tersebut pada ketetapan seperti berikut:-

Tarikh : 13 Jun 2026 (Sabtu)  
Masa : 8.00 pagi  
Tempat : Dewan Tun Razak Temerloh

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

( DATO' HAJI AMINUDDIN BIN HAJI ABDUL HAMID DIMP , AMP , AMN )

Setiausaha,  
Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad  
Temerloh.

Agenda Mesyuarat Agung adalah seperti berikut :

1. Memilih :
  - 1.1 Pengerusi Mesyuarat
  - 1.2 2 orang Pencatat Minit Mesyuarat Agung
  - 1.3 4 orang Pengira undi sulit
2. Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada 4 orang Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi dan 6 orang Anggota untuk menentusah Minit Mesyuarat Agung.
3. Membentang dan mengesah Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-72 pada 14 Jun 2025.
4. Membentang, menimbang dan meluluskan Laporan Anggota Lembaga dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam.
5. Menimbang dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit berakhir pada 31 Disember 2025 bersama dengan Laporan Juruaudit Luar.
6. Menimbang dan meluluskan Anggaran Belanjawan tahun 2027.
7. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam.
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi.
9. Menentukan had maksima keterhutangan Koperasi bagi pembiayaan luar.
10. Mengisytiharkan pembahagian keuntungan dividen dan honorarium bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025.
11. Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak lebih daripada 4 firma Audit Luar untuk mengaudit akaun-akaun.
12. Mendengar, menimbang dan memutuskan Usul-usul/Cadangan-cadangan.
13. Pelantikan semula 5 orang Anggota Lembaga Koperasi.